



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
MODERN TRENDS IN  
SOCIAL SCIENCES  
(IJMTSS)  
[www.ijmtss.com](http://www.ijmtss.com)



## KONSEP SASTERA ISLAM MENURUT MANA SIKANA

### *THE CONCEPT OF ISLAMIC LITERATURE BY MANA SIKANA*

Adli Yaacob <sup>1</sup>, Norziyana Mohd Akhir <sup>2</sup>

<sup>1</sup> Profesor Madya, Jabatan Bahasa Arab dan Sastera, Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Email: [adlihy@iium.edu.my](mailto:adlihy@iium.edu.my)

<sup>2</sup> Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemansiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 25.10.2021

Revised date: 15.11.2021

Accepted date: 10.12.2021

Published date: 31.12.2021

##### To cite this document:

Yaacob, A., & Akhir, N. M. (2021). Konsep Sastera Islam Menurut Mana Sikana. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 4 (18), 70-83.

DOI: 10.35631/IJMTSS.418007

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Kajian ini membincangkan konsep sastera Islam menurut Mana Sikana dari segi teori-teori pemikirannya seperti Teori Taabudiyyah dan Teori Estetika dalam sastera Melayu Islam. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan kajian lepas dengan meneliti buku-buku terbitan beliau yang berkaitan konsep sastera Islam. Tujuan kajian ini adalah untuk membahaskan pandangan-pandangan Mana Sikana terhadap konsep tersebut dan membuat kesimpulan daripadanya.

#### Kata Kunci:

Mana Sikana, Sastera Islam, Teori Taabudiyyah, Teori Estetika

#### Abstract:

This study discusses the concept of Islamic literature by Mana Sikana in terms of theories of thinking like Taabudiyyah Theory and Theory of Aesthetics in Malay Islamic literature. The method used in this study is by using literature review, which is the analysis of his published Islamic literature books. The purpose of this study is to discuss Mana Sikana's views on his concept of Islamic literature and draw conclusions from it.

<sup>1</sup> Profesor Madya Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemansiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

<sup>2</sup> Pelajar MA Jabatan Bahasa Arab dan Sastera Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemansiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**Keywords:**

Mana Sikana, Islamic Literature, Taabudiyyah Theory, Theory of Aesthetics

## Latar Belakang

Mana Sikana atau, nama penuh beliau Abdul Rahman Napiah dilahirkan pada 9 Oktober 1946 di Bagan Serai, Perak. Beliau memulakan pengajian ijazah sarjana muda di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan menamatkan pengajiannya pada tahun 1978, turut memperoleh ijazah sarjana pada 1981 dan ijazah kedoktoran pada 1990 juga di universiti yang sama. Beliau pernah menjadi seorang pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Nanyang, Singapura sebelum berkhidmat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak. Beliau merupakan seorang ahli akademik berwibawa dan pengarang prolific dalam bidang kesusasteraan Melayu.

## Karya-Karya

Beliau cukup terkenal dengan pemikirannya dalam bidang sastera, dan dapat kita lihat dalam pelbagai buku dan karya yang telah dihasilkannya. Antara buku-buku beliau adalah Kritikan Sastera Melayu Moden, Teori dan Kritikan Sastera Malaysia, Pemikiran Islam dalam Sastera Melayu, Berdiri di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden, dan sebagainya. Manakala, kaya-karya sastera milik beliau seperti Santau, Nusia, Fakurdabakia, Keris Laksamana Bentan, Jejak-jejak Yang Hilang, dan lain-lain.

## Konsep Sastera Islam

Konsep sastera Islam ialah sastera yang memancarkan sikap hidup yang bertakwa<sup>3</sup> sambil menekankan kepada kebaikan-kebaikan amalan masyarakat, yang segalanya berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Nabi<sup>4</sup>. Yusof Zaki Yaacob menyatakan, “Sastera Islam adalah karya yang menggambarkan konsep dan nilai-nilai hidup Islam”<sup>5</sup>. Abbas Mahmud Al-Akkad turut menyatakan, “Sastera Islam ialah sastera yang membawa peradaban kepada manusia”<sup>6</sup>. Ismail Hamid pula berkata, “Sastera Islam ialah sastera yang membawa penekanan terhadap kepentingan masyarakat”<sup>7</sup>.

Sastera Islam memiliki kriteria dan identiti yang bersifat spesifik yang memuatkan nilai-nilai dan ajaran agama, dan dapat diidentifikasikan selagi ia tidak bertentangan dengan tasyrik Islami. Sastera ialah peradaban sesuatu masyarakat yang mengandungi nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuisi, harapan dan emosi. Kesusasteraan atau “al-adab” dalam takrifan lebih merujuk kepada hasil kesusasteraan yang dapat membentuk peradaban atau kebudayaan. Tidak ada sastera untuk pemuasan perasaan dan kehendak lahiran. Sastera lebih menekankan aspek dalaman, fikiran dan intelektualisme sesuai dengan sifat “al-aql” yang menjadi teras kemanusiaan. Islam pula merupakan usaha pertimbangan, kecenderungan insan yang sedia ada,

<sup>3</sup> Mana Sikana, “Siri Fokas Terhadap Sastera Islam”, *Berita Harian*, Oktober 1975.

<sup>4</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*, Kuala Lumpur: Tratra Publishing & Trading Sdn. Bhd., 1983, p. 15.

<sup>5</sup> Lihat: Yusof Zaki Yaacob, “Sastera Islam di Malaysia”, *Majalah Dian*, September/Oktobre 1974, p. 72.

<sup>6</sup> Lihat: Abbas Mahmud Al-Akkad, *Fi al-Fanni al-Islami*, Kaherah: Dar al-Maarif, 1964, p. 5.

<sup>7</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*, *passim*, p. 15.

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

penuh pengabdian dan keadaan menyerah diri<sup>8</sup>. Oleh itu, sastra Islam adalah sastra yang menggabungkan kedua-dua identiti tersebut.

Mana Sikana bahkan menyatakan bahawa sastra Islam itu adalah sastra akhlak iaitu sastra yang membangunkan akhlak individu dan masyarakatnya<sup>9</sup>. Beliau turut menyimpulkan bahawa sastra Islam ialah sastra yang mengungkapkan kehidupan peribadi dan masyarakat Islam yang tulen, yang diciptakan kerana Allah dan mempunyai tujuan untuk menginterpretasikan dan memberi makna akan kehidupan ini. Beliau juga menggariskan dua sifat umum sastra Islam, iaitu, yang pertama, sastra yang benar-benar memenuhi konsep sastra yang dikehendaki oleh Islam seperti yang telah dinyatakan di atas, dan yang kedua, sastra yang memperlihatkan beberapa ciri atau unsur sastra Islam secara umum<sup>10</sup>.

Dalam perbahasannya mengenai sastra Melayu Islam, Mana Sikana telah menyebutkan bahawa sebelum kedatangan Islam, adalah menjadi sejarah umum alam Nusantara berada di bawah dominasi pengaruh Hindu. Malahan pengaruh ini telah berjalan selama sembilan kurun, yang mana bukan sahaja kesusasteraan namun nilai-nilai kehidupan juga berkiblatkan benua India<sup>11</sup>. Khazanah hikayat seperti Hikayat Maharaja Puspa Wiraja, Hikayat Langlang Buawana dan Hikayat Mara Karma cukup memperjelas betapa kuatnya pengaruh sastra Hindu seperti Mahabharata dan Ramayana kepada sastra Melayu<sup>12</sup>.

Namun demikian, kedatangan Islam membawa bersama sastra Islam ke alam Melayu<sup>13</sup> kerana sastra Islam itu sendiri bertugas sebagai penyokong pendakwaan agama Islam pada ketika itu. Justeru, Islam dengan mudahnya diterima oleh penduduk Nusantara sehingga dapat dilihat nilai-nilai sastra Islam membanjiri sastra Melayu. Hal ini menyebabkan pengaruh Hindu hilang sedikit demi sedikit dan menjadikan sastra Islam pula yang mendominasi sastra Melayu. Selama 400 tahun lebih sastra Islam menapak di dunia sastra Melayu menyaksikan perkembangan-perkembangan sastra yang membawa gelombang besar, menjelaskan bahawa agama Islam telah menimbulkan kesedaran untuk bersastra secara menyeluruh dan Al-Quranlah sebenarnya telah mengajarkan tradisi bertulis yang melahirkan tulisan Jawi yang tersebar meluas dalam masyarakat Melayu<sup>14</sup>. Yusof Zaki Yaacob<sup>15</sup> juga menyimpulkan bahawa pembinaan kesusasteraan Melayu sebenarnya berasal daripada Al-Quran kerana Al-Quran memerlukan pembacaan, pemahaman, pengertian dan penafsiran, yang kemudiannya membuka mata hati orang Melayu untuk mula bersastra<sup>16</sup>.

<sup>8</sup> Mana Sikana, *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastra Melayu Pascamoden*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), 2013, p. 108-109.

<sup>9</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, *passim*, p. 89.

<sup>10</sup> *Ibid*, p. 15-16.

<sup>11</sup> Lihat: R. O. Winstedt, *A History of Classical Malay Literature*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1969, p. 30-45.


<sup>12</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, *passim*, p. 16.

<sup>13</sup> Anas Haji Ahmad, *Sastra Melayu Lama*, Pulau Pinang: Sinaran Bors., 1964, p. 85-87.

<sup>14</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, *passim*, p. 17-18.


<sup>15</sup> Yusof Zaki Yaacob, "Sastra Islam di Malaysia", *passim*, p. 7-8.

<sup>16</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, *passim*, p. 18-19.



Mana Sikana turut bersetuju dengan ahli-ahli pengkaji kesusasteraan yang membahagikan zaman kecemerlangan sastra Islam kepada tiga zaman seperti rajah di atas, iaitu, Zaman Samudra-Pasai (1280-1440), Zaman Melaka (1440-1511) dan Zaman Aceh (1511-1651). Dan pada ketiga-tiga zaman tersebutlah sastra Islam, baik yang memenuhi konsep sastra Islam secara khusus ataupun secara umum telah berkembang meluas<sup>17</sup>.

Semua karya zaman Islam itu dapat dikatakan sebagai hasil “Kesusasteraan Islam” dan ia dibahagikan kepada dua bahagian: sastra kreatif dan sastra bukan kreatif. Sastra kreatif mempunyai dua bahagian iaitu prosa seperti cerita roman, hikayat, hikayat berbingkai dan cerita pendek atau cerpen, dan puisi seperti syair, gurindam, seloka, nazam, bayt, qitah dan lain-lainnya. Sementara sastra bukan kreatif pula lebih berbentuk risalah, buku atau kitab keagamaan, ketatanegaraan dan sejarah<sup>18</sup>. Kita dapat lihat secara jelas pembahagian kesusasteraan Islam dalam gambar rajah berikut:



Mana Sikana turut menyatakan kebimbangan beliau akan gelombang kedatangan pengaruh Barat yang memberi gambaran bahawa sastra seakan-akan telah dipisahkan dengan Islam. Malah ada yang beranggapan bahawa Islam memusuhi sastra<sup>19</sup>. Beliau menjangkakan terlalu banyak kekeliruan yang berlaku terhadap sastra Islam ekoran daripada sikap penulis-penulis di Malaysia yang terus mengambil dan mengimplimentasikan pemikiran-pemikiran Barat

<sup>17</sup> *Ibid*, p. 19.

<sup>18</sup> *Ibid*, p. 20.

<sup>19</sup> Sidi Gazalba, *Islam Integrasi Ilmu dan Kebudayaan*, Jakarta: Penerbit Tintamas, 1967, p. 172.

dalam tulisan mereka tanpa menilai terlebih dahulu sama ada aliran-aliran tersebut sesuai atau bercanggah dengan agama Islam. Maka dengan itu, beliau menegaskan dalam satu rumusan penting bahawa Islam merupakan faktor utama yang menumbuh dan memperkaya kesusasteraan Melayu, dan melalui garis sejarah telah terbukti Islamlah yang menghidupkan sampai ke zaman moden ini<sup>20</sup>, sehingga dapat melahirkan konsep sastera Islam Melayu seperti yang dapat kita lihat pada hari ini.

Beliau turut mengemukakan beberapa pandangan dan cadangan untuk menghidupkan semula budaya sastera Islam di Malaysia ini, seperti:


1. Perlu ditubuhkan persatuan/kumpulan/secretariat sastera Islam di Malaysia.
2. Menghidupkan semula wacana sastera Islam dengan mengadakan seminar, persidangan atau pertemuan.
3. Mengadakan bacaan puisi Islam secara nasional dan global.
4. Menganjurkan seminar sastera bandingan Islam untuk negara Islam.
5. Mengadakan pertandingan peulisan teks kreatif Islam.
6. Menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat pengembangan sastera Islam sedunia.
7. Mendesak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya mewajibkan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.
8. Menilai semula struktur kurikulum sastera yang digunakan hari ini sesuai dengan kemajuan negara dan perkembangan dunia global.
9. Kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran sastera perlu diperkaya dan diperkukuh supaya dapat melahirkan suasana pengilmuan sastera.
10. Mendesak Kementerian Pelajaran Malaysia supaya memberhentikan amalan beberapa buah sekolah menengah yang menutup kelas Kesusasteraan Melayu dan menggesa semua sekolah menyediakan kelas bagi mata pelajaran tersebut<sup>21</sup>.

Mana Sikana juga ada menyentuh tentang kesusasteraan pada zaman awal kedatangan Islam. Penurunan Al-Quran dilihat sebagai hasil sastera yang dikagumi dan memberi kesan yang cukup kuat kepada perkembangan kesusasteraan Arab dari segi bahasa, perkataan dan pola ayat atau “uslub”. Ini sejajar dengan apa yang dikatakan oleh D.S. Margoliouth bahawa “sejarah permulaan kesusasteraan Islam itu adalah apabila mula wujudnya Al-Quran”. Penulis menggariskan tiga ciri-ciri sastera yang diambil daripada Al-Quran, dan dipelajari oleh pengarang-pengarang Arab. Pertama, sastera Al-Quran itu membawa pancaran bagi membersihkan jiwa raga manusia luaran dan dalaman, yang menekankan hubungan manusia sesama manusia demi faedah manusia sejagat. Kedua, ia mengajak manusia kepada sastera yang mengkhabarkan dan menyeru manusia kepada kebaikan, mementingkan kemuliaan atau “al-fadilah” dan menentang kejahatan. Dan ketiga, ia menyampaikan sesuatu mesej tidak secara langsung, tetapi menggunakan kiasan sehingga kekerasan terasa lembut dan berisikan keindahan. Hal ini menunjukkan kedatangan Islam memberi impak yang sangat ketara kepada bidang sastera<sup>22</sup>. Ciri-ciri sastera Al-Quran boleh disimpulkan dalam rajah berikut:

<sup>20</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*, passim, p. 41.

<sup>21</sup> Mana Sikana, *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*, passim, p. 126-127.

<sup>22</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*, passim, p. 86-87.




Menurut Najib Muhammad al-Bahiti<sup>23</sup>, sekurang-kurangnya ada tujuh perubahan dasar yang dibawa oleh Islam dalam kreativiti kesusasteraannya. Pertama, sastra itu lebih menjurus kepada tentangan dan cabaran alam pemikiran serta perbicaraan dengan perasaan dan hati. Kedua, lahirnya hubungan yang erat antara kebenaran dan imaginasi. Ketiga, sastra merupakan pemusatan sosial di mana norma-norma masyarakat dipentingkan sehingga sesebuah karya itu mampu menggambarkan kekuatan dan kelemahan kehidupan. Keempat, sastra itu harus ada keseimbangan dalam penggunaan bahasa. Kelima, sastra tidak boleh disampaikan dengan cara yang boleh menimbulkan kekasaran, tetapi hendaklah dengan kiasan-kiasan seperti yang ditunjukkan dalam Al-Quran. Keenam, pada dasarnya Islam menganjurkan karya-karya yang pendek, tetapi Islam tidak menyekat jika mempunyai kemampuan yang lumayan. Ketujuh, Islam menyarankan agar sesebuah karya yang dicipta haruslah dapat dipertahankan dalam suatu tempoh masa atau zaman yang panjang kerana Islam mahu sasterawannya menghasilkan karya yang bermutu tinggi<sup>24</sup>.

Mana Sikana turut menyentuh satu peristiwa penting yang sering menjadi rujukan iaitu polemik antara Shahnnon Ahmad dan Kassim Ahmad. Polemik berlaku pada 1978 apabila Shahnnon Ahmad mengisytiharkan dirinya berpegang kepada sastra Islam. Pengisytiharan itu hampir mengejutkan suasana kesusasteraan Melayu pada ketika itu kerana Malaysia sedang bergelora dan bersemarak dengan sastra Islam. Malah definisi sastra Islam yang dikemukakannya iaitu sastra kerana Allah SWT dan berhikmah kepada manusia secara dominan, mengatasi pengertian-pengertian yang pernah dikemukakan oleh pembicara-pembicara sastra Islam sebelum ini<sup>25</sup>.

<sup>23</sup> Lihat: Najib Muhammad al-Bahiti, *Al-Syikru al-Arabi*, Kaherah: Dar al-Maarif, 1963, p. 47-49.

<sup>24</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, *passim*, p. 88-89.

<sup>25</sup> Mana Sikana, *Tokoh-tokoh Unggul dalam Sastra Melayu*, Bangi: Pustaka Karya, 2007, p. 140-141.



Gambar rajah di atas adalah berdasarkan pandangan Shahnnon Ahmad dalam mendefinisikan sastra Islam, beliau menafsirkan kesusasteraan Islam itu kepada tiga kategori iaitu kesusasteraan yang dihasilkan oleh orang-orang Islam untuk manusia, kesusasteraan yang dihasilkan oleh orang-orang Islam mengikut estetika Islam untuk manusia dan kesusasteraan yang dihasilkan oleh manusia selaras dengan estetika Islam untuk manusia<sup>26</sup>. Namun demikian, Kassim Ahmad berpendapat bahawa karya sastra yang dihasilkan oleh orang-orang yang beragama Islam boleh bertentangan dengan prinsip-prinsip estetika Islam. Beliau juga berkata bahawa orang yang bukan beragama Islam dapat menghasilkan karya yang selaras dengan Islam dengan mengambil contoh beberapa penulis Barat yang bukan beragama Islam tetapi bersemangat dan berjiwa Islam<sup>27</sup>.

Maka dari itu, Shahnnon Ahmad menolak pendapat Kassim Ahmad kerana kunci definisi bagi dirinya adalah tersimpul dalam ungkapan “kerana Allah dan menjelaskan bahawa pencipta karya mestilah orang Islam. Baginya, pengarang yang menerapkan keindahan, kebaikan dan kebenaran dalam karya-karya mereka tanpa mentauhidkan Allah, karya-karya mereka itu tidak dapat digolongkan dalam kategori sastra Islam<sup>28</sup>. Namun, Mana Sikana menzahirkan persetujuannya terhadap pendapat Kassim Ahmad berkaitan persoalan pengarang Islam yang menghasilkan sesebuah karya belum cukup untuk menentukan sama ada karya tersebut merupakan karya kesusasteraan Islam atau bukan<sup>29</sup>.

<sup>26</sup> Nurazmi Kuntum, *Teori dan Pemikiran Sastra Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, p. 184.

<sup>27</sup> Kassim Ahmad, “Sastra Islam: Pertemuan antara Keindahan dan Kebenaran”, *Dewan Sastra*, Februari 1983, p. 35.

<sup>28</sup> Shahnnon Ahmad, *Kesusasteraan dan Etika Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1981, p. 49.

<sup>29</sup> Mana Sikana, *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastra Melayu Pascamoden*, *passim*, p. 109-111.

## Teori Taabudiyyah




Teori Taabudiyyah atau Seni untuk Pengabdian merupakan teori yang terkenal digunakan oleh Mana Sikana dalam penulisan karya sasteranya. Beliau melihat sastera Islam adalah pancaran golongan muqarrabin dengan Ilahi secara rohaniah dan badaniah. Tegasnya, sastera Islam itu adalah sastera untuk pengabdian seperti pandangan Abbas Mahmud Al-Akkad<sup>30</sup>. Beliau turut memetik kenyataan Ahmad Iskandar<sup>31</sup> bahawa, seni untuk pengabdian mempunyai dua tujuan penting. Pertama, adalah untuk menguatkan akidah, dan kedua, adalah untuk meninggikan akhlak. Penguatan akidah bererti karya sastera yang dapat menunjukkan atau membimbing ke arah memperkuat iman dan kepercayaan. Perjuangan karya sastera ke arah ini tidak pernah selesai bermula pada zaman Nabi Muhammad SAW oleh golongan penulis dan disambung pada zaman Umayyah, Abbasiyah, Andalus, Uthmaniyah hingga zaman Melaka, dan terus ke abad ini. Masalah kelemahan iman orang-orang Islam berlaku sepanjang zaman menjadi punca keruntuhan Islam. Jika hendak menguatkan umat Islam, maka iman penganutnya mesti terlebih dahulu diperteguhkan. Oleh sebab itu, karya sastera Islam berfungsi ke arah penguatan iman atau akidah ini<sup>32</sup>.

<sup>30</sup> Lihat: Abbas Mahmud Al-Akkad, *Fi al-Fanni al-Islami*, passim, p. 5-6.

<sup>31</sup> Lihat: Ahmad Iskandar, *Al-Wasit fi al-Adabi wa at-Tarikhi*, Kaheerah: Dar al-Maarif, 1967, p. 94-97.

<sup>32</sup> Mana Sikana, *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*, passim, p. 30-31.




Terdapat empat kaedah yang digariskan oleh Mana Sikana untuk mengkaji bidang sastera untuk pengabdian ini. Pertama, sastera pengabdian membicarakan aspek latar belakang pengarang bagi melihat sejauh mana komitmen, tujuan atau niatnya terhadap karya yang dihasilkannya. Malah, hasil karya dilihat sebagai penentu nilai kerana sesuatu pekerjaan yang baik, hasil yang baik biasanya diniat atau dimulai dengan hasrat yang baik juga yang mana turut menyerlahkan aspirasi dan visi pengarang itu sendiri dalam karyanya.

Kedua, pendekatan teori ini dalam menganalisis aspek isi karya. Pengertian isi merujuk kepada subjek, mauduk, persoalan, tema, pemikiran, ideologi dan falsafah. Tahap awal yang perlu digariskan iaitu sejauh mana isi karya tersebut membincangkan isu-isu keislaman dan dasar-dasar atau paksi Islam seperti subjek akidah, syariah, akhlak, masyarakat dan sebagainya.

Ketiga, sastera pengabdian menegetengahkan pembicaraan di sekitar aspek teknik penulisan. Dalam aspek ini, dua perkara yang harus diberikan perhatian utama iaitu estetika dan logik. Apabila disebut estetika, maksudnya ialah keindahan yang sesuai dengan konsep Islam dan merangkumi aspek keindahan sebagai karya sastera dalam pengertian yang umum. Teknik yang asli dan memperlihatkan penguasaan estetika yang tinggi dan selaras dengan Islam menjadi satu bahan perhatian yang menarik dan istimewa. Dalam teknik ini, terdapat dua perkara yang harus ditekankan. Pertama, estetika yang dikaitkan dalam dalam pengertian Islam sambil mempamerkan aspek-aspek keindahan umum yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Kedua, hukum logik yang digunakan dalam Islam bagi melihat sejauh mana aspek kesusasteraan dan hukum akal dalam sesebuah karya itu dilaksanakan dengan cukup berkesan. Ini jelas menunjukkan aspek keindahan merupakan faktor penting dan nadi utama dalam penulisan karya sastera.

Keempat, sastera Islam menekankan aspek kesan dan pengaruh. Sastera Islam tidak lahir untuk kekosongan atau keseronokan semata-mata kerana seni. Dalam konteks ini, pengarang memiliki tanggungjawab moral terhadap masyarakatnya untuk menegakkan misi dan visi

Islam. Sastera dalam Islam adalah wadah dan alat untuk masyarakat, iaitu masyarakat Islam dan masyarakat yang mengamalkan syariat Islam. Justeru, Islam sangat memandangkan penting hubungan, peranan dan fungsi karya sastera terhadap masyarakat. Kajiannya juga harus dibuat untuk mengetahui sejauh mana keberkesanan sesebuah karya sastera itu dalam mengutarakan persoalan pengukuhan akidah dan membentuk akhlak Islamiah<sup>33</sup>.



### Teori Estetika

Estetika ialah rasa keindahan, keseronokan dan kegembiraan yang merujuk kepada yang bernilai dan bermanfaat serta kenikmatan yang mempesonakan atau memukau yang cepat menawan perasaan dan terpahat dalam pemikiran. Dalam seni sastera, apabila kita berbicara tentang keindahan ia akan selalu merujuk kepada keindahan yang berkait rapat dengan kesan daripada pengalaman, perasaan, pemikiran, imaginasi dan wawasan. Namun, keindahan juga dapat terpancar daripada bahasa yang digunakan oleh pengarang melalui cara pengarang mencerna, mengadun dan mengolah karyanya sehingga menyerlahkan rasa keindahan. Dapat ditegaskan, keindahan ialah daya tarikan dan kepuasan dalam menikmati karya sastera terhadap aspek susunan unsur struktur yang harmonis yang memiliki perasaan, pemikiran dan sebagainya. Setiap komposisi karya memiliki keindahannya tersendiri, namun keindahan yang lebih agung lagi ialah keindahan yang membawa manusia mencapai kebaikan dengan mengagungkan Allah SWT<sup>34</sup>.

Estetika dan seni untuk pengabdian merupakan dua perkara yang saling berkait rapat dalam sesebuah karya sastera Islam menurut Mana Sikana. Estetika bahasa dalam konteks sastera Islam dijelmakan dalam Teori Pengabdian atau Taabudiyyah. Konsep keindahan atau “al-jamal” ini merujuk kepada seni sastera Al-Quran kerana dasar sastera Islam ialah kitab suci Al-Quran. Al-Quran berasal daripada perkataan “qara’a” yang bererti baca. Jelas sekali Al-Quran ialah sesuatu yang dibaca dan sebab itulah umat Islam disuruh membaca Al-Quran dengan kuat sehingga dapat didengar oleh orang lain<sup>35</sup>.

<sup>33</sup> *Ibid*, p. 31-32.

<sup>34</sup> *Ibid*, p. 130-131.

<sup>35</sup> *Ibid*, p. 28.

Keindahan dalam konteks seni Islam dapat dikaji dari sudut bahasa, penyampaian, kefasihan, kebenaran dan aspek medan makna. Pertama, keindahan yang terletak pada diksi atau lafaz, ayat atau jumlah, makna atau mafhum dan pada cara penyusunan uslubnya. Keindahan pada sudut ini akan dapat mempengaruhi rasa dan fikir khalayak dan maknanya sampai kepada mereka sama ada secara terbuka ataupun terikat atau tersirat.

Kedua, keindahan pada cara penyampaiannya terutama penyampaian makna atau semantikanya. Kemampuan menyampaikan makna yang baik dan indah secara selapis atau berlapis adalah menjadi salah satu prinsip penting dalam keindahan bahasa sastera Islam. Dalam menyampaikan makna, ada unsur hiasan yang digunakan dengan pelbagai cara seperti “istiarah” (metafora), “tasybih” (simile) dan “majaz” (figuratif). Segala unsur bahasa itu dalam Islam mempunyai kaedah yang berbeza dengan pengertian biasa yang fahami selama ini. Bukan sahaja terletak pada makna yang indah tetapi cara penyampaiannya juga indah iaitu cara pengungkapan atau “al-bayan” yang menjadi dasar estetika Islam. Keindahan bahasa dirumuskan daripada keindahan bahasa Al-Quran, menunjukkan bahawa Islam sangat mementingkan sastera.

Ketiga, keindahan dari sudut “fasahah” dan “balaghah”. “Fasahah” banyak merujuk kepada “kalimah” (diksi atau lafaz) dan terdapat beberapa kriteria yang dapat dikesan untuk menghasilkan estetika “fasahah” ini iaitu, menjauhi daripada pemilihan kata yang mengelirukan dan merosakkan, kata-kata yang sengaja dikaburkan, perulangan yang membazir, perkataan yang asing dan berturut-turut, dan pelbagai sinonim yang hanya sebagai hiasan. Dalam aspek “balaghah”, keindahan terserlah apabila ia dikemukakan dengan menggunakan pelbagai unsur hiasan seperti ibarat, riwayat dan silsilah. Namun yang penting ia sampai kepada khalayak dengan penyampaian yang mempunyai unsur yang mengagumkan, menghairankan dan mempesona serta membangunkan indera akal untuk berfikir. Malah puncak keindahan sastera Islam adalah apabila dapat membina insan Islam yang “mufakkirun” dan “ta’qilun”.


Keempat, estetika seni Islam tertonggak kepada menjelaskan kebenaran. Kebenaran itu boleh disampaikan dalam bahasa prosa (nasr) atau simbol (ramz). Bahasa simbolik banyak dihasilkan dalam tradisi penulisan Islam terutama yang bergenrekan sufisme dan filosofikal. Kekayaan Al-Quran dari segi simbolik seperti “istiarah” dan “majaz” menjadi aspirasi dan ikutan pengarang Islam. Dari itu, dapat dilihat bahawa Islam mementingkan kebenaran dan ia terjelma dalam kepelbagaian estetika bahasa berikutan daripada Islam mengelakkan sifat kekaburan dan kekeliruan.

Kelima, estetika bahasa Islam meletakkan dasar tentang makna. Segala aplikasi bahasa baik dari segi lafaz, jumlah, “fasahah” dan “balaghah” berpuncak pada maknanya. Dengan mengaplikasikan bahasa Islam, kita dapat memahami keindahan bahasa dan maknanya yang disampaikan dalam pelbagai bentuk. Maknanya ada waktunya disampaikan secara terbuka atau tersembunyi. Kelima-lima kaedah ini digunakan untuk meneliti teks-teks yang di dalamnya ada unsur atau yang bersifat sastera Islam bertujuan untuk<sup>36</sup>:

1. Mendekatkan masyarakat kepada penghayatan estetika Islam.
2. Menguasai estetika Al-Quran dan hadis.
3. Menganalisis bahasa dalam teks-teks sastera.

<sup>36</sup> *Ibid*, p. 34-36.

4. Mencintai kesenian dan kebudayaan Islam.



### Kesalahfahaman Dalam Memahami Konteks Ayat Al-Quran

Dalam perjalanan mengkaji pemikiran-pemikiran dan teori-teori yang dikemukakan oleh Mana Sikana, pengkaji mendapati Mana Sikana berhadapan dengan kesalahfahaman yang besar dalam memahami konteks ayat Al-Quran. Hal ini boleh dilihat ketika mana beliau membicarakan tentang ayat-ayat yang mengandungi saranan untuk mengarang, seperti dalam firman Allah SWT:

وَلَكُمْ فِي الْقِصَاصِ حَيَاةٌ يَا أُولِي الْأَلْبَابِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ (179)

Yang bererti: Dan untuk kamu terdapat kisah-kisah di dalamnya akan kehidupan, wahai orang yang beruntung semoga kamu bertakwa<sup>37</sup>.

Mana Sikana menyatakan bahawa ayat tersebut menunjukkan bahawa cerita-cerita di dalam Al-Quran itu adalah sebagai ibarat untuk mengajar orang bertakwa sekaligus menegaskan konsep Islam itu adalah berbakti kepada Allah SWT<sup>38</sup>. Namun, ayat 179 daripada surah Al-Baqarah tersebut tidaklah membicarakan tentang kisah-kisah atau cerita-cerita yang terdapat di dalam Al-Quran, melainkan ia membicarakan tentang hukuman qisas. Ertinya: Dan dalam qisas itu ada (jaminan kelangsungan) hidup bagimu, wahai orang-orang yang berakal, supaya kamu bertakwa<sup>39</sup>. Berdasarkan terjemahan ayat Al-Quran dan penerangan yang dibawa oleh Mana Sikana, jelas menunjukkan bahawa beliau kurang meneliti dan tidak berhati-hati dalam membicarakan dalil-dalil ataupun nas-nas daripada Al-Quran. Maka dari itu, pengkaji berharap

<sup>37</sup> Surah Al-Baqarah: 179

<sup>38</sup> Mana Sikana, *Pemikiran Islam Dalam Sastra Melayu*, passim, p. 19.

<sup>39</sup> <https://tafsirweb.com/679-surat-al-baqarah-ayat-179.html>

dan menyarankan agar para pembicara yang sering ataupun adakalanya menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan hadis Nabi SAW untuk melakukan semak ulang dengan kitab-kitab tafsir Al-Quran dan kitab-kitab syarah hadis yang muktabar sebelum membincangkan apa-apa isu yang berkaitan supaya isi yang disampaikan tidak terpesong daripada makna yang sebenar.


### Kesimpulan

Secara kesimpulannya, walaupun Mana Sikana lebih cenderung kepada Teori Taabudiyyah atau Seni untuk Pengabdian, beliau tidak menolak teori-teori atau pemikiran-pemikiran sedia ada yang dibawa oleh golongan sasterawan dan ilmuwan yang lain. Namun, beliau mahu penulis-penulis di Malaysia menilai terlebih dahulu sama ada pemikiran-pemikiran Barat yang digunakan bersesuaian ataupun bercanggah dengan agama Islam sebelum mereka mengambil dan mengimplimentasikan aliran-aliran tersebut dalam tulisan mereka agar kekeliruan dan kesalahfahaman yang berlaku terhadap sastera Islam dalam kalangan masyarakat secara amnya dan umat Islam secara khususnya dapat dihapuskan.

### Bibliografi

- Al-Akkad, Abbas Mahmud, 1964. *Fi al-Fanni al-Islami*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Al-Bahiti, Najib Muhammad, 1963. *Al-Syikru al-Arabi*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Anas Haji Ahmad, 1964. *Sastra Melayu Lama*. Pulau Pinang: Sinaran Bors.
- Iskandar, Ahmad, 1967. *Al-Wasit fi al-Adabi wa at-Tarikhi*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Kassim Ahmad. "Sastera Islam: Pertemuan antara Keindahan dan Kebenaran", *Dewan Sastera*, Februari 1983.
- Mana Sikana, 1983. *Pemikiran Islam Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: Tratra Publishing & Trading Sdn. Bhd.
- Mana Sikana, 2007. *Tokoh-tokoh Unggul dalam Sastera Melayu*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana, 2013. *Berdiri Di Akar Diri: Kritikan Sastera Melayu Pascamoden*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM).
- Mana Sikana. "Siri Fokas Terhadap Sastera Islam", *Berita Harian*, Oktober 1975.
- Nurazmi Kuntum, 1991. *Teori dan Pemikiran Sastera Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad, 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sidi Gazalba, 1967. *Islam Integrasi Ilmu dan Kebudayaan*. Jakarta: Penerbit Tintamas.
- Winstedt, R. O., 1969. *A History of Classical Malay Literature*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Yusof Zaki Yaacob. "Sastera Islam di Malaysia", *Majalah Dian*, September/Oktober 1974.
- <https://tafsirweb.com/679-surat-al-baqarah-ayat-179.html>

## Konsep Sastera Islam Menurut Mana Sikana



## Antara Karya-Karya Mana Sikana Yang Diterbitkan

